

Nelayan diminta patuhi peraturan

Elak dikenakan tindakan yang boleh menutup periuk nasi mereka

MOHD TAHA YAACOB

JERTIH

Nelayan diingatkan agar mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan ketika menjalankan aktiviti menangkap ikan untuk mengelakkan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, tindakan melanggar undang-undang sudah tentu akan menyulitkan keadaan terutama kepada nelayan

terbabit untuk mencari rezeki sekiranya aset mereka dirampas.

Menurutnya, beliau bersympati dengan nasib 12 nelayan tempatan yang ditahan oleh Jabatan Perikanan kerana menangkap ikan di dalam zon pantai menggunakan pukat tunda dekat Kampung Mangkuk, dekat Penarik, Setiu pada Rabu lepas.

"Perbuatan menggunakan pukat tunda di kawasan kurang dari lima batu nautika dari pantai merupakan kesalahan serius di bawah Akta Perikanan yang membolehkan lesen dibatalkan serta bot dan peralatan dirampas.

"Menitis air mata saya, kalau bot dan peralatan mereka dirampas. Macam mana mereka nak cari rezeki walaupun mereka dah buat silap," katanya.

Azman berkata, kes tangkapan tersebut bukan bidang kuasa kerajaan negeri atau Jabatan Perikanan Negeri se-



Azman (kanan) menyampaikan cenderamata kepada lelaki dikenali Pak Muda yang setia hadir mendengar kuliah agama di Medan Ilmu Jertih setiap minggu walaupun berkerusi roda semalam.

baliknya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Menurutnya, nelayan terbabit dinasihatkan supaya membuat rayuan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sementara beliau

juga akan menyusul.

"Salah tetap salah, tapi undang-undang memberikan ruang untuk dikemukakan rayuan dan kita gunakan ruang ini semoga ia memberi kebaikan kepada semua," katanya.

Tegasnya, pemberian lesen sementara menggunakan pukat tunda di kawasan zon nelayan pantai pada musim tengkujuh terpaksa dibekukan oleh jabatan berkaitan demi menjaga sumber perikanan dan kepentingan ne-

layan pantai.

Menurutnya, kaedah penangkapan ikan cara lain tidak dilarang di zon tersebut selain penggunaan pukat tunda dan pematuhan kepada peraturan tersebut dapat mengelak nelayan dikenakan tindakan undang-undang.

"Kita sangat memahami suasana musim tengkujuh di mana nelayan tidak berani untuk pergi jauh namun sumber perikanan, kita nak jaga supaya tidak musnah dan nelayan pun kita nak jaga," katanya.

Azman menjelaskan kes seperti ini adalah contoh dilema yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin dalam menjalankan tanggungjawab alam, rakyat dan negeri.

"Undang-undang kita nak tegakkan dalam masa yang sama kita sangat simpati dengan nelayan pantai yang kerjanya sekadar cukup makan sahaja," katanya